



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

*PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK*

SENIBINA

KOD : C031

SUBJEK : TULISAN SPESIFIKASI

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2002

MASA : 2.00 - 3.30 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS
SOALAN SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON:

1. *Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.*
2. *Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.*
3. *Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.*
4. *Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.*
5. *Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.*
6. *Calon-calun digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.*
7. *Calon-calun dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.*
8. *Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.*
9. *Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calun adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.*
10. *Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.*
11. *Calon-calun dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.*
12. *Calon-calun tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.*
13. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calun yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.*
14. *Calon-calun yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.*
15. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.*

PERKARA : C031 - TULISAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi enam (6) soalan.
Jawab mana-mana empat (4) soalan sahaja.*

SOALAN 1

- a) Huraikan dengan ringkas, apa yang anda faham dengan Spesifikasi Piawai.
(10 markah)
- b) Berdasarkan kepada Spesifikasi Piawai, anda diminta untuk menyediakan Jadual Lengkapan Pintu berikut:
- i. Pintu Bilik Air/Tandas
 - ii. Pintu Satu Daun
 - iii. Pintu Rintangan Api Satu Daun.

(15 markah)

SOALAN 2

- a) Dalam kerja penggalian lubang asas tiang kontraktor telah menuntut Kos Tambahan untuk kerja menggali kerana terdapat batu-batu dan batu-batu tongkol.
Tuliskan spesifikasi ringkas untuk anda mengatasi masalah ini.
(15 markah)
- b) Tuliskan spesifikasi bagi kerja-kerja mengalih kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada di tapak projek.
(5 markah)
- c) Dalam Kerja Tarah dan Tambun Ke paras Yang Dibentuk (AYD). Nyatakan spesifikasi untuk Menyelerak dan Memadat.
(5 markah)

(5 markah)

SOALAN 3

- a) Tuliskan spesifikasi piawai untuk kerja bumbung berikut:
- i. Genting Konkrit Saling Mengirat
 - ii. Bumbung Kepingan Simen Tanpa Asbestos (*Asbestos Free*)
 - iii. Bumbung Dek Logam.

(15 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi piawai untuk kerja bumbung (Penebat) berikut:
- i. Penebat Gegebar Kaca Gentian
 - ii. Penebat Rokwool.

(10 markah)

SOALAN 4

- a) Tuliskan spesifikasi kerja Pertukangan Kayu dan Tanggam bagi kerja kayu berikut:
- i. Kerja Lantai
 - ii. Papan Tumpu Kasau
 - iii. Dinding Luar.

(15 markah)

- b) Nyatakan **sepuluh (10)** perkara yang terkandung di dalam Dokumen Kontrak..

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Senaraikan **lima (5)** sahaja Spesifikasi Piawai Kehendak Am bagi kerja-kerja mengecat.
(10 markah)
- b) Tuliskan spesifikasi bagi:
- i. Kerja mengecat permukaan keluli/besi untuk kerja baru.
 - ii. Mengecat permukaan dinding berlepa yang baru
 - iii. Mengecat semula permukaan dinding berlepa yang lama.
- (15 markah)*

SOALAN 6

- a) Tuliskan spesifikasi bagi pemasangan:
- i. Jubin gilap untuk dinding
(5 markah)
 - ii. Jubin seramik untuk lantai.
(10 markah)
- b) Tuliskan Spesifikasi Piawai untuk Kerja Lepa Biasa.
(5 markah)
- c) Tuliskan Spesifikasi Piawai untuk kerja-kerja memasang lantai parket.
(5 markah)
